


BAB 5



LAPORAN PENILAIAN ALAM SEKITAR (EIA)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima dan memproses sebanyak 5 Laporan EIA pada tahun 2016 mengikut garis panduan dan standard MS ISO 9001:2008. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4 laporan telah diluluskan sementara 1 laporan ditolak kerana tidak memenuhi kehendak Seksyen 34A (2), AKAS 1974.


Rajah 5.1 dan Jadual 5.1 di bawah menunjukkan bilangan laporan EIA awal yang diproses pada tahun 2016 berdasarkan aktiviti di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 dan juga aktiviti di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang telah dikuatkuasakan bermula 28 Ogos 2015.



Rajah 5.1: Bilangan kelulusan laporan EIA awal, tahun 2016

Jadual 5.1: Senarai laporan EIA mengikut jenis aktiviti/industri, tahun 2016

Bil.	Jenis Aktiviti/Industri	Bilangan Laporan Diproses
1	Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak)	4
2	Pemajuan medan minyak dan gas	1



Rajah 5.2: Bilangan laporan EIA awal mengikut jenis industri, tahun 2016


Laporan *Terms Of Reference* (TOR)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima dan memproses sebanyak 3 Laporan TOR pada tahun 2016. Kesemua Laporan TOR telah disahkan mengikut *Guidance Document for Preparing Terms of Reference* (TOR).

Jadual 5.2 dan Rajah 5.3 di bawah menunjukkan bilangan Laporan TOR yang telah disahkan pada tahun 2016 berdasarkan aktiviti di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang telah dikuatkuasakan bermula 28 Ogos 2015.

Jadual 5.2: Senarai laporan TOR mengikut jenis industri, tahun 2016

Bil.	Jenis Aktiviti/Industri	Bilangan Laporan Diproses
1	Pembinaan stesen-stesen janakuasa kitar padu	1
2	Pembangunan medan minyak dan gas	1
3	Pembinaan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak dan gas	1




Rajah 5.3: Bilangan laporan TOR mengikut jenis industri, tahun 2016

LAPORAN PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT)

Pada tahun 2016, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima sebanyak 149 permohonan penilaian awal tapak (PAT). Dari jumlah tersebut, sebanyak 128 permohonan PAT adalah bagi industri/premis umum manakala 21 permohonan yang diterima adalah bagi premis/aktiviti yang ditetapkan (premis tertakluk EIA, kilang kelapa sawit, kilang getah asli mentah, premis penstoran/pemerolehan kembali buangan terjadual). Berikut adalah Jadual 5.3 yang menunjukkan bilangan permohonan PAT bagi tahun 2016 mengikut bahagian di Negeri Sarawak.

Jadual 5.3: Bilangan permohonan PAT mengikut bahagian, tahun 2016


Bil.	Bahagian	Bilangan Permohonan Diproses	
		Umum	Premis/Aktiviti Yang Ditetapkan
1	Kuching	45	3
2	Serian	1	1
3	Samarahan	13	0
4	Sri Aman	2	2
5	Betong	3	2
6	Sibu	3	0
7	Mukah	1	2
8	Miri	12	4
9	Bintulu	15	7
10	Limbang	2	0
11	Sarikei	1	0
12	Kapit	30	0
JUMLAH		128	21
		149	



Rajah 5.4: Bilangan permohonan PAT yang diproses pada tahun 2016


PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN EIA

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 48 lawatan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh unit Penguatkuasaan EIA dari JAS Kuching yang melibatkan 35 projek/premis yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Penguatkuasaan ini juga adalah meliputi projek/premis yang terletak di luar Kuching seperti di Bintulu dan Sibul.




Rajah 5.5: Bilangan lawatan penguatkuasaan mengikut jenis industri tahun 2016

Rajah 5.5 menunjukkan bahawa pada Tahun 2016, kebanyakan lawatan penguatkuasaan EIA adalah mengfokuskan penguatkuasaan terhadap projek-projek EIA di dalam peringkat pembinaan. Projek-projek EIA lain yang terlibat di dalam penguatkuasaan EIA pada tahun 2016 juga adalah kebanyakannya daripada premis Buangan Terjadual, Loji Janakuasa dan Industri Kimia. Premis lain-lain adalah merujuk kepada premis seperti Pemprosesan Minyak Makan dan Pelabuhan. Pada tahun 2016 juga, telah dijalankan penguatkuasaan melalui *Guided Self Regulation* (GSR) terhadap beberapa premis di bawah seliaan Unit Penguatkuasaan EIA.




Rajah 5.6: Tindakan susulan lawatan penguatkuasaan tahun 2016

Rajah 5.6 menunjukkan kekerapan tindakan susulan yang diambil oleh pasukan penguatkuasaan Post EIA sepanjang tahun 2016. Tindakan ini diambil terhadap pemaju projek ataupun pemilik premis sekiranya pemaju projek/pemilik premis gagal di dalam mematuhi Syarat-syarat Kelulusan Laporan EIA yang diberikan. Keseluruhannya, semua tindakan susulan sepanjang tahun 2016 telah mendapat maklumbalas daripada pemaju-pemaju projek/premis-premis yang terlibat.



Rajah 5.7: Tindakan susulan lawatan penguatkuasaan dari tahun 2013-2016



Rajah 5.8: Laporan-laporan pematuhan syarat EIA (*Desk Monitoring*) tahun 2016


Rajah 5.8 menunjukkan jumlah laporan-laporan yang diterima oleh JAS Negeri Sarawak sepanjang tahun 2016. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan oleh pihak pemaju projek/pemilik premis bagi memaklumkan Jabatan berkenaan perkembangan projek, masalah-masalah yang dihadapi, keberkesanan pelan kawalan pencemaran dan juga bagi mematuhi Syarat-syarat Kelulusan Laporan EIA. Melalui laporan-laporan ini juga, pegawai-pegawai turut dapat menyemak status-status pematuhan projek/premis terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan kaedah ini dinamakan *desk monitoring*.

SISTEM MAKLUMAT

Penyelenggaraan Peralatan ICT

A. Penyelenggaraan Alatan ICT Mengikut Aduan

Unit ICT JAS Sarawak telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berdasarkan aduan dari kakitangan JAS Sarawak. Maklumbalas terhadap aduan adalah tertakluk dengan syarat MS ISO. Graf dibawah menunjukkan jumlah bilangan penyelenggaraan yang telah dilakukan bagi tahun 2016 di mana jumlah keseluruhan penyelenggaraan adalah 98 aduan. Penyelenggaraan tersebut melibatkan penyelenggaraan dalaman sebanyak 94 aduan dan penyelenggaraan luaran sebanyak 2 aduan. Kesemua aduan telah diselesaikan berdasarkan kehendak MS ISO.



Rajah 5.9: Aduan penyelenggaraan peralatan ICT bagi tahun 2016

B. Penyelenggaraan Berkala Peralatan ICT

Bagi memastikan peralatan ICT di JAS Sarawak dapat digunakan secara optimum, Unit ICT JAS Sarawak telah pun menjalankan penyelenggaraan berkala terhadap peralatan ICT seperti server, komputer peribadi, komputer riba, pencetak dan komputer tablet. Penyelenggaraan ini melibatkan JAS Cawangan Sibul, Bintulu dan Miri. Antara fokus utama penyelenggaraan pada tahun 2016 adalah melibatkan perkara berikut:

1. Membuat pemeriksaan & penetapan *IP Address* (JAS Sarawak + Cawangan)
2. Menaik taraf Operating System Komputer yang menggunakan *Windows XP* kepada *Windows 7 Profesional*
3. *Update* Sistem Server secara berkala bagi memastikan *performance server consistent*. (JAS Sarawak)
4. Menukar Antivirus *Kaspersky Endpoint* kepada *ESET Endpoint* telah dilaksanakan.
5. Pelaksanaan pemasangan perisian mengikut keperluan/permintaan telah dilaksanakan.

Jadual 5.4 di bawah menunjukkan aktiviti penyelenggaraan yang telah dibuat secara berkala bagi tempoh sepanjang tahun 2016.

Jadual 5.4: Penyelenggaraan berkala bagi tahun 2016

Bulan	JAS Kuching	JAS Sibul	JAS Bintulu	JAS Miri
Januari	√			
Februari	√			
Mac	√			
April	√			
Mei	√			
Jun	√	√	√	√
Julai	√			
Ogos	√			
September	√			
Oktober	√			
November	√			
Disember	√			

Perancangan lawatan ke cawangan hanya dapat dilakukan 1 kali setahun atas kekangan bajet. Sebagai menggantikan lawatan tersebut, pendekatan **Remote** menggunakan **Teamviewer** dilakukan bagi pelaksanaan kerja Fasa Pertama.


Pengurusan Sistem

Unit ICT terlibat secara terus dengan pengurusan sistem-sistem yang diguna pakai di JAS Sarawak. Salah satu tugas utama adalah memastikan kelancaran sistem agar memudahkan kerja-kerja kakitangan JAS Sarawak. Berikut adalah beberapa perkembangan Sistem Jabatan Alam Sekitar bagi tahun 2016:

Jadual 5.5: Perkembangan sistem Jabatan Alam Sekitar bagi tahun 2016

SISTEM	PERKARA
Sistem ESWIS	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan Modul Sistem: <ul style="list-style-type: none"> <i>TWG Monitor</i> <i>Barcode</i> <i>Mobile Device</i>
Sistem CEMS	<ul style="list-style-type: none"> Masih dalam proses naiktaraf
Perubahan Antivirus dari <i>Kaspersky AV</i> kepada <i>ESET Endpoint AV</i>	<ul style="list-style-type: none"> Berkuatkuasa 1 Januari 2016 Disebabkan Lesen <i>Kaspersky</i> tamat pada 31 Disember 2016
Naiktaraf Sistem EKAS versi 4	<ul style="list-style-type: none"> Masih dalam pembangunan
<i>Business Licensing Electronic Support System (BLESS)</i>	<ul style="list-style-type: none"> One Stop Online Service atau Pusat Perkhidmatan Setempat Atas Talian untuk mendapatkan maklumat dan membuat permohonan lesen/kelulusan/permit berkaitan perniagaan di Malaysia JAS KL & JAS Selangor

Rajah 5.10 di bawah menunjukkan bilangan kekerapan aduan yang diterima oleh Unit ICT berhubung dengan sistem-sistem yang diselia oleh unit ICT.




Rajah 5.10: Kekerapan aduan sistem bagi tahun 2016

Pengurusan Rangkaian

Pada tahun 2016, Unit ICT telah menukar DHCP server daripada fizikal server kepada BMT bagi menangani penggunaan wi-fi. Walaubagaimanapun, capaian wi-fi dihadkan kepada 50 pengguna pada satu-satu masa dengan maksimum capaian adalah 8 jam sahaja bagi seorang pengguna. Untuk memudahkan urusan pegawai, *IP address* telah disusun semula, dimana semua komputer peribadi, server dan *workstation* akan menggunakan statik IP, manakala komputer tablet, komputer riba dan telefon pintar akan menggunakan dinamik IP memandangkan peralatan tersebut menggunakan capaian wi-fi.


A. Penggunaan IP



Rajah 5.11: Bilangan penggunaan IP di JAS Sarawak bagi tahun 2016

B. Kapasiti Network

Pada tahun 2013, pihak GiTN menaiktaraf semula kapasiti rangkaian internet dari 4mbps kepada 10mbps bagi menyediakan rangkaian Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak bersedia untuk memasuki penggabungan rangkaian antara kementerian yang dikenali sebagai **1govuc**. Perkara ini turut melibatkan cawangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang lain seperti Cawangan Sibu dan Bintulu di mana kapasiti telah ditingkatkan kepada 6mbps berbanding 2mbps dan hanya Miri yang masih dalam kapasiti yang sama disebabkan infra bangunan sewaan. Keterangan mengenai peningkatan kapasiti dirumuskan melalui rajah 5.12 di bawah.



Rajah 5.12: Kapaciti rangkaian yang terdapat di JAS Sarawak

C. Pecahan Penggunaan Rangkaian Mengikut Keutamaan

Jadual 5.6 di bawah menunjukkan keutamaan penggunaan rangkaian yang terdapat di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak mengikut pecahan penggunaan *packet data*.


Jadual 5.6: Penggunaan rangkaian di JAS Sarawak mengikut pecahan penggunaan *packet data* pada tahun 2016

Site (s)	Service Availability SLG		Site Exceeding 95% utilization 1 Jan 2016 – 1 Jan 2017					
	SPEED	SLG	Incoming Traffic Utilization (%)	Incoming Traffic Utilization (Max)	Outgoing Traffic Utilization (%)	Outgoing Traffic Utilization (Max)	BPsec In AVG	BPsec Out AVG
JAS KUCHING	10 Mbps	99.9	99.55	10.0 Mbps	99.05	9.9 Mbps	1.1 mbps	121.5 kbps
JAS SIBU	6 Mbps	99.7	99.57	6.0 Mbps	67.9	4.1 Mbps	59.1 kbps	6.4 kbps

JAS BINTULU	6 Mbps	99.7	99.53	6.0 Mbps	97.6	5.9 Mbps	253.5 kbps	21 kbps
JAS MIRI	2 Mbps	99.7	5710.54	2.0 Mbps	5707.6	1.9 Mbps	143 kbps	15.7 kbps

D. Perkembangan Emel 1GOVUC JAS Sarawak

Rajah 5.13 di bawah adalah struktur pakej 1GOVUC di JAS Sarawak bagi tahun 2016.



Rajah 5.13: Struktur pakej 1GOVUC JAS Sarawak tahun 2016

Perolehan Peralatan ICT


Berikut adalah jumlah perolehan semasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak bagi tahun 2016 mengikut pecahan cawangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak.

Jadual 5.7: Jumlah perolehan semasa JAS Sarawak bagi tahun 2016

NAMA PERALATAN ICT	KUCHING	SIBU	BINTULU	MIRI	JUMLAH
Komputer Desktop	85	13	22	11	131
Komputer Riba	20	4	3	3	30
Rugged Tablet (GIS)	12	1	2	3	18
Tablet	4	1	1	1	7
*Pencetak Hitam Putih	45	5	0	10	60
*Pencetak Warna	9	1	0	1	11
Pencetak Barcode	1	1	0	0	2
Pengimbas	14	1	0	2	17
Server	13	0	0	1	14
Thermal Printer	9	1	1	1	12
Access Point	1	0	1	1	3
	213	28	30	34	305

*Laporan tersebut tidak termasuk inventori yang didaftarkan.

Pada tahun 2016, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah mendapat bekalan perolehan peralatan dari JAS Ibu Pejabat seperti yang diterangkan dalam carta 5.14 di bawah.



Rajah 5.14: Bilangan perolehan peralatan ICT dari JAS Ibu Pejabat pada tahun 2016

PENDIDIKAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar. Program-program yang dijalankan meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran dan kem kesedaran alam sekitar, ianya juga melibatkan penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak, iaitu risalah-risalah seperti (Era Hijau, Impak) dan media elektronik. Perkhidmatan pusat sumber juga disediakan sebagai sumber rujukan orang awam, pihak perunding dan pelajar.

Ceramah Alam Sekitar

Aktiviti ceramah alam sekitar yang diberikan kepada para pelajar sekolah dan orang awam/masyarakat bertujuan untuk menanam kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Ceramah bersifat promosi alam sekitar turut digunapakai khususnya kepada komuniti industri bagi meningkatkan tahap pengurusan alam sekitar selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 3 siri ceramah alam sekitar telah dilaksanakan kepada beberapa kumpulan sasaran di seluruh Negeri Sarawak seperti di Jadual 5.8 berikut.

Jadual 5.8: Ceramah-ceramah kesedaran alam sekitar tahun 2016

Bil.	Tempat	Tajuk Ceramah	Tarikh	Kumpulan Sasaran
1	Pos Malaysia Berhad, Pejabat Pengurusan Negeri Sarawak, Bangunan Pusat Mel Kuching	Ceramah Sempena Bulan Kempen Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar	16 Feb	Kakitangan Pos Malaysia Berhad
2	Universiti Teknologi MARA Sarawak	Ceramah Sempena Program Simposium Mini Siswazah	29 Sept	Pelajar
3	Universiti Malaysia Sarawak	<i>Environmental Protection, Environmental Regulation, Environmental Health Impact Assessment and Hazardous Waste</i>	7 Dis	Pelajar

Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon

Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon sempena Hari Ozon Antarabangsa dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran tentang melindungi lapisan ozon daripada ancaman Bahan Pemusnah Ozon (BPO) seperti Klorofluorokarbon (CFC). Tema tahun ini adalah *"Ozone and Climate: Restored by a World United"*. Tema ini juga dikuatkan lagi dengan slogan *"Working towards reducing global warming HFCs under the Montreal Protocol"*. Perincian pelaksanaan program tersebut adalah seperti di Jadual 5.9 di bawah.

Jadual 5.9: Pelaksanaan kem kesedaran perlindungan lapisan ozon tahun 2016

Bil.	KeKAS Sekolah	Tarikh	Jumlah Hari	Peserta	Lokasi KeKAS
1	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	23-25 September	3 hari 2 malam	40 orang pelajar, 6 guru pengiring dan 10 pelajar UNIMAS	Kubah Nasional Park, Kuching
2	SM Sains Kuching Utara				



Gambar program kem kesedaran perlindungan lapisan ozon tahun 2016



Gambar program kem kesedaran perlindungan lapisan ozon tahun 2016

Pameran Alam Sekitar

Sebanyak 8 pameran telah diadakan bersempena pelbagai sambutan dan acara perasmian yang diadakan oleh pelbagai agensi kerajaan, pihak sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, di sekitar dan juga di luar bandaraya Kuching. Pelaksanaan pameran tersebut seperti di Jadual 5.10 di bawah.

Jadual 5.10: Pameran alam sekitar sepanjang tahun 2016

Bil.	Lokasi Pameran	Tajuk Pameran	Tarikh	Kumpulan Sasaran
1	Buntal Esplanade, Kampung Buntal	Pameran Sempena Majlis Mesra Komunit Bersama YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia dan Warga Kementerian Sumber dan Alam Sekitar	16 Jan	Orang Awam
2	Stadium Sarikei	Pameran Program Sejiwa Senada	19-21 Feb	Orang Awam
3	Tempat Letak Kereta Pasar Saratok	Pameran Program Sejiwa Senada	26-28 Feb	Orang Awam
4	SMK Batu Kawa	Pameran Bagi Merasmikan Pelancaran Karnival Lestari dan Promosi Program Rakan Alam Sekitar	8 Mac	Pelajar
5	SK Salak	Pameran Sempena Program <i>Mobile Community Tranformation Centre Boat (Mobile CTC Boat)</i>	21-22 Mei	Orang Awam
6	Universiti Teknologi MARA Sarawak (UiTM)	Pameran Sempena Program <i>Science Fair</i>	26 Ogos	Pelajar
7	Sarawak Energy Berhad (SEB)	Pameran Sempena <i>Health, Safety & Environment Week</i>	22 Okt	Orang Awam
8	BERNAS Sarawak	Pameran Sempena Kempen Sekuriti, Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran	26 Okt	Orang Awam



Gambar pameran sepanjang tahun 2016

Penyebaran Maklumat Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2016, risalah-risalah termasuk poster, *flyers* dan pamflet Jabatan mengenai pencemaran sungai, pencemaran udara, buangan terjadual, teknologi bersih (CP) dan pemeriksaan asap hitam kenderaan (enjin diesel dan petrol) telah diedarkan kepada pihak industri, orang awam dan pelajar sekolah, manakala pengumpulan maklumat mengenai alam sekitar melalui keratan akhbar tempatan dijadikan rujukan sebagai mendapatkan input awam.



Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebangsaan Di Kuching, Sarawak Tahun 2016

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) adalah susulan cetusan idea YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE) untuk menjenamakan semula Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) kepada Hari Alam Sekitar Negara (HASN).

Majlis Pelancaran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN), Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 telah diadakan pada 22 Oktober 2016 (Sabtu) di Kuching Waterfront yang disempurnakan oleh Datuk Patinggi Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan bin Satem, Ketua Menteri Sarawak. Acara merupakan acara tahunan dan dilancarkan serentak di seluruh negara. Nama ini diambil sebagai salah satu elemen pembaharuan dan transformasi bagi meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar di setiap lapisan masyarakat. Penganjuran program ini juga adalah selari dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Lestari' (*Sustainable Nation*) ke arah Wawasan 2020. Tema HASN pada tahun ini adalah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

Antara aktiviti semasa Majlis Pelancaran ialah Program Cabaran Kayuhan Hijau 24 Jam Tanpa Henti, *Enviro Ride*, pertandingan mencipta bahan baru dari bahan buangan, ujian pelepasan asap hitam/gas CO/HC kenderaan bermotor, cabutan bertuah, senamrobik, *choral speaking* dan juga pameran. Dianggarkan seramai 2000 orang telah menghadiri Majlis Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebangsaan 2016.

Jadual 5.11: Aktiviti-aktiviti bersempena sambutan HASN peringkat kebangsaan tahun 2016

Bil	Tarikh	Aktiviti	Peserta	Bilangan Peserta
1	11 Okt	Pertandingan Mencipta Bahan Baru dari Bahan Buangan	Pelajar	115 orang
2	21-22 Okt	Program Cabaran Kayuhan Hijau 24 Jam Tanpa Henti	Orang Awam	17 Orang
3	22 Okt	<i>Enviro Ride</i>	Orang Awam	300 Orang



Gambar aktiviti sempena sambutan HASN 2016 peringkat kebangsaan



Gambar aktiviti sempena sambutan HASN 2016 peringkat kebangsaan



Gambar aktiviti sempena sambutan HASN 2016 peringkat kebangsaan



Gambar aktiviti sempena sambutan HASN 2016 peringkat kebangsaan



Gambar aktiviti sempena sambutan HASN 2016 peringkat kebangsaan